

Jaluma

Buletin Edisi 1/2012

Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia



LB
2326.3
.B85

UTeM bangunkan UTeM Leadership Development Program (ULDP)

UTeM LEADERSHIP TRAINING PROGRAM

Prof. Datuk Ahmad Yusoff bin Hassan
Naib Canselor, UTeM



UTeM Leadership Development Program (ULDP) adalah program pembangunan kepimpinan yang bertujuan untuk membangunkan lapisan pemimpin UTeM yang berfokus kepada pembangunan kepimpinan dan pemikiran strategik untuk mencapai visi, misi dan strategi UTeM.

Kumpulan sasaran ULDP adalah kategori pelapis kepimpinan UTeM. Melalui program ini juga lapisan kepimpinan berpeluang mengalami pengalaman mencadangkan dan melaksanakan inisiatif strategik UTeM sejajar dengan pelan strategik UTeM yang dirangka berdasarkan *Balanced Scorecard (BSC)*. Pengenalan dan permulaan kepada ULDP telah diadakan di Hotel Royale Bintang, Seremban pada 28 hingga 30 Oktober 2011 yang dihadiri oleh Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong-Penolong Naib Canselor, Ketua-Ketua PTJ, Timbalan-Timbalan Dekan, Staf Akademik dan Staf Pentadbiran Gred 48 ke atas.

Dalam bengkel tersebut, peserta bengkel diperkenalkan kepada pelaksanaan *Action Learning (AL)* dan meneliti kembali pelan strategik UTeM berdasarkan BSC. Naib Canselor mencadangkan kumpulan AL menumpu kepada satu dari strategik objektif yang berkaitan dengan pengalaman pelajar di UTeM. Persoalan yang dikira penting untuk dibincang dalam kumpulan AL adalah "Apakah yang dapat membezakan pengalaman (unique experience) pelajar UTeM dengan pelajar pengajian tinggi yang lain?"

Dalam memikirkan penyelesaian dan cadangan kepada persoalan ini, lima tajuk utama telah dicadangkan iaitu: Kemahiran Penyampaian dan Interpersonal, Inovatif dan Kreatif, Hubungan Industri, *UTeM My Home* dan Pembangunan Sahsiah dan CSR (hijau).

Hasil daripada bengkel ini, lima bidang fokus tersebut akan dibincangkan dalam kumpulan AL masing-masing. Susulan dari itu, sesi kumpulan AL masing-masing telah diadakan pada 13 Disember 2011 dan akan diikuti dengan sesi kumpulan AL berikutnya pada 9 Januari 2012 iaitu pembentangan strategik inisiatif kepada Naib Canselor.



Program Perkongsian Ilmu (MAB) anjuran Pejabat Pendaftar UiTM

Morning / Afternoon Briefing (MAB) merupakan program yang disediakan untuk semua warga kerja Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM), Pejabat Pendaftar, UiTM berkongsi pengetahuan dan pengalaman. Staf yang telah menghadiri program latihan di dalam atau pun di luar UiTM atau mempunyai pengalaman serta amalan baru adalah dikehendaki berkongsi ilmu dengan staf yang lain. Format MAB adalah persembahan lisan selama 20 – 30 minit termasuk sesi soal jawab dan diadakan sebulan sekali. Waktu perkongsian pada sebelah pagi atau petang. MAB ini telah dimulakan pada bulan Januari 2011 dan hampir semua staf JPbSM telah membuat persembahan.

Setelah program MAB ini berjalan setahun terdapat peningkatan dalam cara persembahan sesi perkongsian oleh staf. Persembahan yang lebih teratur dengan membuat persediaan (home work) lebih awal. Penerangan yang sistematik ditambah dengan sesi soal jawab yang positif. Tajuk yang dikongsi antaranya ialah Asas Penyelenggaraan Komputer, Pengurusan Marah, Pengurusan Surat Keluar / Masuk, Pemikiran Kreatif, Pengurusan Latihan, Cara-cara Mengatasi Gugup Semasa Temuduga dan Pengurusan Keperluan Latihan (TNA).

Pengurusan JPbSM berusaha meneruskan program MAB ini kerana program ini dapat membantu meningkatkan kompetensi staf melalui keyakinan diri berhadapan dengan khalayak. Selain itu program dapat membantu dan menggalakkan membudayakan amalan membaca serta menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan staf.